

04 OCT 2001

MAHATHIR-MAS

SAYA BELUM DENGAR PENGURANGAN PEKERJAAN DALAM MAS, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau belum mendengar sebarang rancangan pengurangan pekerjaan dalam Penerbangan Malaysia (MAS).

"Saya tidak mendengar apa-apa tentang pengurangan pekerjaan tetapi mereka (pihak pengurusan) sedang menstruktur semula MAS," katanya kepada sidang media selepas merasmikan Sidang Kemuncak CEO 2001, di sini.

Kerajaan kini menguasai syarikat penerbangan kebangsaan yang mempunyai kira-kira 22,000 orang.

MAS yang mengalami kerugian sejak krisis serantau 1997, telah mencatat kerugian RM1.33 bilion pada tahun kewangan berakhir Mac 2001.

Berikutan serangan pegganas pada 11 Sept di Amerika Syarikat, industri perjalanan udara dunia telah mengalami kesan buruk.

Akibatnya, syarikat-syarikat penerbangan utama dijangka memberhentikan kira-kira 100,000 orang kakitangan. Terdapat spekulasi yang MAS juga akan memberhentikan pekerja.

Dr Mahathir berkata tidak seperti amalan di tempat-tempat lain, masalah di Malaysia tidak diselesaikan dengan memberhentikan pekerja.

"Apabila ada masalah, kita tidak bermula dengan memecat orang. Kita mesti tengok bagaimana kita boleh mengurusnya tanpa memecat sesiapa," tambahnya.

Adalah dipercayai bahawa pihak pengurusan MAS hanya berbincang tentang mengurangkan kos operasi dan tidak memutuskan untuk mengurangkan kakitangannya.

Sementara itu, perdana menteri juga ditanya samada kerajaan akan mengeluarkan Renong Bhd dari disenaraikan di bursa saham setelah kerajaan, menerusi Syarikat Danasaham Sdn Bhd, berjaya bertindak demikian terhadap United Engineers (Malaysia) Bhd (UEM) menerusi tawaran am sukarela.

Dr Mahathir berkata: "Kita sedang lihat kepada seluruh UEM untuk mencari percabangannya dan keperluan untuk menstruktur semula bagi menjadikannya lebih berdaya maju.

"Kita belum memutuskan untuk menjual anak-anak syarikat dan syarikat-syarikat bersekutu UEM," katanya. Kerajaan harus melihat perkara itu secara terperinci sebelum membuat sebarang keputusan, katanya.

Danasaham, menerusi UEM, kini merupakan pemegang saham Renong dengan kepentingan ekuiti 31 peratus. -- BERNAMA

MAD/ER SHY JR